

BIL 2 2024



BULETIN JSG

JABATAN SAINS GUNAAN
UITM CAWANGAN PULAU PINANG





ISI KANDUNGAN

Dari Meja Koordinator

01

Akademik

3 rd ICoSeMT & 2 nd INoDEX 2023	02
Kunjungan Dekan FSG	05
Bengkel Kurikulum Program Baru	06
Inovasi Keusahawanan	07
Road to SPM: SMKTAT	12

Stem

Karnival Kimia Malaysia	13
Sains ke Desa	14
Explorace PHY145	16
Karnival STEM Pulau Pinang	18
Bridge Challenge	20
STEAM Challenge	22

Aktiviti

Fotografi Merdeka	24
Gotong-royong 5S JSG	26
Free Market 6.0	28

Riadah

Ping Pong Piala TRHEA	29
Ping Pong Bersama Perodua	30
Santai-santai Petanque	31

BRIDGE CHALLENGE

Ainnie Rahayu & Nurul Izza

Pada minggu pertama November 2023, para pelajar kursus UED101 telah menyertai satu cabaran yang unik - Bridge Challenge! Aktiviti ini telah diadakan khusus untuk memperkuatkan kemahiran berfikir secara kritis dan memupuk semangat kerjasama dalam suasana yang penuh cabaran.

Dalam sesi yang berlangsung selama satu jam, pelajar dibahagikan kepada kumpulan kecil dan diberi tugas untuk membina jambatan yang kukuh serta kemas dengan hanya menggunakan beberapa helaian kertas A4 dan pita pelekat.

Selepas sesi pembinaan, pengadilan bermula dengan meletakkan beberapa beban pemberat di atas jambatan yang telah dibina oleh setiap kumpulan. Jambatan yang mampu menanggung beban dengan kestabilan dan ketinggian yang sesuai dinilai sebagai jambatan terbaik. Kriteria penilaian termasuklah kekukuhannya struktur, ketinggian jambatan, dan kekemasan hasil kerja.

Aktiviti ini tidak hanya memberikan peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan mereka dalam kejuruteraan, tetapi juga memerlukan mereka untuk berkolaborasi dan berfikir secara kreatif dalam menyelesaikan masalah. Semangat berpasukan dan kerjasama menjadi kunci kejayaan dalam mencapai objektif aktiviti ini.

Aktiviti Bridge Challenge 2023 telah berjalan dengan lancar dalam suasana yang ceria dan penuh semangat. Terima kasih kepada semua yang telah menyertai dan menyokong kejayaan aktiviti ini!



